

SOALAN NO.: 99

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID [KUALA KANGSAR]
TARIKH :
SOALAN : 99

Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah bangunan baru unit kecemasan dan trauma klinik Kuala Kangsar masih belum dibina walaupun bajetnya telah diluluskan sejak Rancangan Malaysia Ke 10 lagi. Apakah pihak EPU telah membuat keputusan untuk pembinaan bangunan unit kecemasan dan trauma ini bagi melaksanakan janji kepada rakyat Kuala Kangsar.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meluluskan pembinaan Naiktaraf Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Kuala Kangsar, Perak dalam RMKe-10. Kementerian Kesihatan Malaysia telah membuat penilaian berdasarkan beban kerja sediaada dan unjuran masa hadapan dan memutuskan agar

270

skop projek dipertingkatkan dengan pembinaan sebuah blok baru. Cadangan pembinaan sebuah blok baru ini telah pun diluluskan pada 2016. Buat masa ini proses pembangunan rekabentuk sedang giat dijalankan. Projek ini dicadang dilaksana secara konvesional dalaman oleh JKR.